



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN SEBUT HARGA
PADA 26 NOVEMBER 2020**

Sebut Harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera Tempatan** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Kod Bidang Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh/ Masa & Tempat Lawatan Tapak
SH/ SUKNS /BIL.32/ 2020	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Ubahsuai Ruang Pejabat Unit Kerjasama Awam Dan Swasta (UKAS) / Invest NS Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Tingkat 18, Bangunan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Seremban, Negeri Sembilan Peringatan : Kehadiran lawatan tapak adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri lawatan tapak. Sebarang rayuan tidak akan diterima.	Kelas: G1 Kategori: B Pengkhususan: B28	RM30.00 setiap satu borang	03/12/2020 (Khamis) 3.00 petang Bilik Mesyuarat Sekretariat Malaysia Vision Valley (MVV), Aras 18, Menara MAINS, Jalan Taman Bunga, 70100 Seremban, NSDK

Dokumen Sebut Harga boleh didapati mulai **04.12.2020** hingga **10.12.2020** pada waktu pejabat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor / pembekal dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta **Sijil Pengiktirafan Bumiputera** semasa membeli dokumen Sebut Harga. Dokumen yang telah lengkap diisi disertakan bersama satu salinan bagi ketiga-tiga Sijil tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga di alamat **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan.**

Tarikh tutup sebut harga iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, 11.12.2020 (Jumaat)**. Sebut Harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.